



22 Disember 2016
22 December 2016
P.U. (A) 346

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN)
(NO. 12) 2016

INCOME TAX (EXEMPTION) (NO. 12) ORDER 2016



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CUKAI PENDAPATAN 1967

PERINTAH CUKAI PENDAPATAN (PENGECUALIAN) (NO. 12) 2016

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 127(3)(b) Akta Cukai Pendapatan 1967 [*Akta 53*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) (No. 12) 2016.**

(2) Perintah ini berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016 hingga tahun taksiran 2018.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini —

“pelancong tempatan” ertinya individu yang merupakan warganegara Malaysia atau yang bermastautin di Malaysia;

“perniagaan pengendalian pelancongan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya dalam Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*].

Orang yang layak

3. Orang yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah suatu syarikat—

(a) yang bermastautin di Malaysia;

(b) yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 untuk menjalankan suatu perniagaan pengendalian pelancongan; dan

(c) yang menjalankan aktiviti yang layak.

Aktiviti yang layak

4. Aktiviti yang layak yang disebut dalam Perintah ini ialah perniagaan pengendalian pelancongan yang menyediakan pakej pelancongan domestik bagi pelancongan dalam Malaysia yang digunakan oleh pelancong tempatan, termasuk pengangkutan melalui udara, darat atau laut, dan penginapan.

Pengecualian

5. (1) Tertakluk kepada subperenggan (2), Menteri mengecualikan orang yang layak dalam tempoh asas bagi suatu tahun taksiran daripada pembayaran cukai pendapatan berkenaan dengan pendapatan berkanun yang diperoleh daripada suatu aktiviti yang layak.

(2) Pengecualian yang disebut dalam subperenggan (1) hanya terpakai jika jumlah bilangan pelancong tempatan bagi aktiviti yang layak itu tidak kurang daripada satu ribu lima ratus dalam suatu tempoh asas bagi suatu tahun taksiran.

(3) Jumlah bilangan pelancong dari luar Malaysia yang disebut dalam subperenggan (2) hendaklah ditentusahkan secara bertulis oleh pegawai Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia yang diberi kuasa.

Punca berasingan dan akaun berasingan

6. (1) Jika orang yang layak menjalankan suatu aktiviti yang layak dan aktiviti selain aktiviti yang layak, setiap aktiviti hendaklah dikira sebagai suatu punca berasingan dan berlainan bagi aktiviti itu.

(2) Orang yang layak yang diberikan pengecualian di bawah subperenggan 5(1) hendaklah menyenggara suatu akaun yang berasingan bagi pendapatan yang diperoleh daripada setiap aktiviti yang disebut dalam subperenggan (1).